

## Bab 4

---

# Pengurusan Masjid Era Digital Dalam Masyarakat Majmuk Di Malaysia

*Abdul Ghafar Don*

## Pengenalan

Masjid sebagai pusat kecemerlangan masyarakat Islam dalam pelbagai dimensi adalah merujuk kepada fungsinya sebagai tempat berkumpul untuk menunaikan ibadah dan berbincang menganai survival umat Islam dalam pelbagai bidang, sosial, ekonomi, politik, kebudayaan, pertahanan, kegiatan ilmiah dan sebagainya. Dimensi ini memberi isyarat bahawa konsep masjid di dalam Islam adalah begitu luas mencakupi pelbagai lapangan kehidupan manusia. Keluasan konsep dan pengertian masjid ini telah disebut dengan lebih jelas lagi di dalam sebuah hadith Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

“Aku telah dianugerahkan lima perkara yang tidak diberi kepada seorang Rasulpun sebelumku. Aku diberikan pertolongan dengan menimbulkan rasa gerun dalam diri musuh dengan kadar sebulan perjalanan. Dijadikan kepadaku bumi ini sebagai masjid yang bersih, di mana sahaja seorang lelaki dari umatku mendapati waktu sembahyang maka hendaklah ia bersembahyang. Dihalalkan bagiku harta rampasan. Nabi sebelumku diutuskan kepada kaumnya sahaja sedangkan aku diutuskan kepada kaumnya sahaja sedangkan aku diutus kepada seluruh manusia dan aku diberikan keistimewaan memberi syafaat” (Hadith *al-Bukhari*, Kitab al-Solat, bab Qawl al-Nabi jil.1:119)

Hadith ini memberikan definisi masjid secara jelas, di mana sahaja tempat di bumi ini boleh dianggap masjid sekiranya ia bersih. Konsep dan pengertian masjid yang dikemukakan di dalam hadith ini menjadi ciri istimewa kepada umat Islam sebagai *khairah ummah* (the best nation). Umat Islam tidak memerlukan satu tempat yang khusus untuk menunaikan solat. Sembahyang boleh dilakukan di mana sahaja oleh umat Islam

asalkan tempat ia menunaikan solat itu bersih. Ini menunjukkan Islam agama yang mudah, praktikal dan ‘accomodative’ kepada pelbagai situasi dan tempat.

## **Asas Pengurusan Masjid Dalam Islam**

Perkataan masjid telah disebut lebih kurang 26 kali di dalam al-Qur'an. (Lihat misalnya Al-Qur'an, Surah al-Fath: 25, al-Tawbah: 107, al-Kahfi:21, al-Baqarah: 114 dan al-Hajj: 40). Jumlah perkataan yang disebutkan ini menunjukkan keprihatinan Islam dalam menjana dan membangunkan manusia. Justeru, masjid dalam Islam dianggap institusi yang paling sesuai, relevan dan efektif dalam mencapai objektif ini.

Islam melihat pengurusan masjid dalam menjana modal insan hendaklah terlebih dahulu mengambil kira asas pembinaan masjid iaitu niat yang luhur kerana Allah S.W.T. dan takwa kepada-Nya. Asas dan dasar ini ditegaskan al-Qur'an sebagaimana firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Sesungguhnya masjid yang diasaskan di atas dasar taqwa semenjak hari pertama ia didirikan adalah lebih berhak untuk engkau (wahai Muhammad) menunaikan sembahyang padanya” (Surah al-Tawbah, 9:108)

Asas yang dinyatakan al-Qur'an ini menjelaskan tentang hala tuju pengurusan masjid dalam Islam. Asas ini juga akan menjadi panduan pihak pengurusan masjid menguruskan masjid secara bijaksana, efektif dan telus dalam membangunkan masyarakat Islam.

## **Mengurus Masjid Secara Efektif**

Islam menekankan aspek pengurusan ke arah mencapai kehidupan yang berkualiti dan sempurna. Kepentingan aspek pengurusan ke arah kesempurnaan kehidupan manusia ini misalnya dapat difahami daripada sepotong ayat al-Qur'an yang bermaksud:

“Dialah (Allah) yang menjadikan kamu dari tanah (unsur bumi) dan menjadikan kamu pemakmurnya” (Surah Hud 11: 61)

Imam al-Zamakshari di dalam *Tafsir al-Kasshaf* (1995, juz.2: 391-392) memberi komentar bahawa maksud ‘*was ta<sup>c</sup>marakum fiha*’ di dalam ayat ini ialah ‘*wa amarakum bi al-imarah*’, (iaitu kamu diperintahkan

melakukan usaha imarah) iaitu melakukan usaha memakmurkan adalah satu perintah. Komentar Imam al-Zamakshari tersebut telah disokong oleh Tafsir Pimpinan Ar-Rahman (2000:420), dengan ulasan yang lebih lanjut, iaitu berusaha supaya ramai penduduk, banyak hasil mahsulnya dan sejahtera hidup padanya<sup>1</sup>. Konsep imarah dalam konteks ayat tersebut boleh diinterpretasikan sebagai mengurus. Oleh itu, untuk mencapai kesejahteraan hidup seperti yang dinyatakan dalam *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman* memerlukan pengurusan yang efektif.

Sehubungan dengan itu, pengurusan masjid masakini hendaklah mengambil inspirasi dan semangat daripada ayat tersebut. Dalam konteks sejarah pengurusan masjid umat Islam, dalil-dalil daripada al-Qur'an, praktikal sunnah Nabi, Khulafa' al-Rashidin dan kerajaan Islam selepas itu (Zaman Abbasiyah misalnya), masjid menjadi satu institusi yang begitu rapat dengan perkembangan dan kebangkitan umat Islam. Contoh kepada kepentingan pengurusan masjid yang efektif ini misalnya ditekankan di dalam al-Qur'an seperti berikut:

“sesungguhnya orang-orang yang memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, dan mendirikan solat, mengeluarkan zakat dan tidak takut selain Allah”  
(Al-Qur'an, Surah al-Tawbah, 9:18)

Termasuk dalam konteks takmir atau mengurus/memakmur masjid seperti yang dikemukakan di dalam *Tafsir al-Kasshaf* (1995, juz.2: 246) ialah mendirikan masjid, membersihkannya, memasang lampu, memuliakannya (dengan majlis zikir seperti majlis ilmu) dan mengelokkannya. Hadith Rasulullah s.a.w. juga memberi perhatian kepada pengurusan masjid sebagaimana berikut:

“Daripada Aisyah r.a, ia berkata: Rasulullah s.a.w memerintahkan mendirikan masjid di kawasan kediaman dan mengekalkan kebersihan dan keharuman”

Terdapat tiga elemen pengurusan masjid yang ditonjolkan di dalam hadith Nabi tersebut, iaitu:

- Membina masjid
- Mengekalkan kebersihan
- Mengekalkan keharuman

---

<sup>1</sup> Penjelasan lebih lanjut juga dapat dilihat misalnya dalam komentar Abdullah Yusuf Ali, *The Holy Qur'an, Text, Translation and Commentary*, nota kaki 1557.

Ketiga-tiga elemen ini sebenarnya jika dapat dipenuhi dan dikekalkan akan menjadikan masjid satu institusi yang menarik untuk dikunjungi dan menjadi dakwah kepada non-Muslim.

Berasaskan perspektif sejarah mengenai pengurusan masjid, umat Islam kini perlu mengambil sikap pro-aktif dan berperanan dengan lebih aktif untuk menjadikan masjid sebagai institusi yang dapat menjana modal insan. Di antara langkah-langkah yang boleh diambil bagi menguruskan masjid secara efektif ialah:

### 1. Pemilihan jawatankuasa berwibawa

Kewibawaan sesebuah masjid antara lainnya ditentukan oleh faktor jawatankuasa. Sekiranya sesebuah masjid diurus oleh satu jawatankuasa yang berwibawa dan ada kredibiliti, maka masjid tersebut akan berjaya menjadi sebuah institusi yang terserlah peranannya sebagai agen pembangunan masyarakat. Ahli jawatankuasa yang tidak berwibawa biasanya ketanduskan idea untuk merangka dan melaksanakan program-program masjid. Ia sebaliknya hanya lebih menumpukan kepada fungsi institusi ibadat dan amalan ritual semata-mata. Tidak lebih dari itu. Jawatan kuasa berwibawa akan menghidup dan memakmur masjid dengan idea kreatif mereka dengan pelbagai program, bukan sekadar menjadikan masjid institusi ibadat semata-mata. Mereka akan menonjolkan peranan masjid dalam konteks yang lebih luas meliputi aspek kebajikan, ekonomi, kebudayaan, siasah, sosial dan lain-lain. Peranan masjid dalam hal ini akan nampak lebih dinamik. Shaykh Ali Mohammad Mokhtar (1997:23) menyatakan berkaitan pemilihan jawatan kuasa masjid:

“ Pemilihan mereka hendaklah dilakukan dengan teliti, mengikut neraca yang adil dan saksama. Ini kerana peranan mereka mat besar dan mulia”

### 2. Program yang menarik

Program masjid sebenarnya berkait rapat dengan jawatankuasa yang bertindak selaku pengurus masjid. Jawatankuasa yang berkebolehan akan sentiasa merancang program dan aktiviti masjid. Mereka tidak bergantung kepada program yang ada, tetapi juga kreatif merancang program-program baru masjid. Antara program yang boleh dilakukan masjid/surau ke arah membangunkan insan berkualiti dan bersahsiah ialah seperti perkhemahan remaja (dengan nama kem Kembara Insan misalnya), hari keluarga, Kelab Pemuda Masjid dan lain-lain aktiviti yang boleh mencapai matlamat tersebut. Masjid juga boleh mengadakan kerjasama dengan Kementerian

Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan lain-lain untuk mengadakan latihan dan menyediakan peluang-peluang perniagaan.

### 3. Persekutaran Bersih dan ceria

Kebersihan dan persekitaran yang bersih adalah sebahagian daripada tuntutan Islam. Ia juga mencerminkan imej Islam dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, pihak masjid hendaklah memberikan perhatian yang serius bagi memastikan masjid sentiasa kelihatan bersih dan ceria. Ini dapat dilaksanakan dengan menjadikan konsep masjid dalam taman dengan membangunkan landskap yang menarik (membanyakkan pokok bunga), memastikan tandas sentiasa bersih. Dalam hal ini, label-label yang mengingatkan pengguna supaya menjaga kebersihan kawasan masjid hendaklah diletakkan di kawasan masjid agar pengguna prihatin kepada masalah kebersihan ini. Kini didapati telah banyak masjid-masjid di negara in yang telah memberikan perhatian kepada aspek keceriaan dan kebersihan ini. Malah kebersihan dan keceriaan masjid ini menjadi faktor tarikan untuk orang ramai mengunjungi masjid khususnya bagi tujuan mendirikan solat.

### 4. Memahami konsep takmir masjid

Pihak yang terlibat dalam pengurusan masjid hendaklah memahami atau diberikan kefahaman tentang konsep takmir (memakmurkan) masjid. Kepelbagai program yang dilaksanakan akan menjadi indikator mengenai kefahaman pihak jawatankuasa masjid/surau mengenai konsep takmir masjid. Dalam soal pengurusan kewangan misalnya, didapati antara masalah yang wujud ialah pihak masjid tidak memahami konsep takmir masjid. Sesetengah masjid begitu berbangga mengistiharkan jumlah wang simpanan yang banyak, tetapi tidak digunakan untuk mentakmirkan masjid dengan melakukan pelbagai aktiviti yang memberi impak kepada pembangunan ummah. Sekiranya jumlah wang simpanan yang banyak tidak digunakan, maka konsep takmir masjid tidak wujud atau tidak berfungsi. Kini banyak masjid di negara in yang mengimarahkan surau dengan kuliah-kuliah ilmu. Tidak seperti dahulu, di mana masjid hanya menjadi tempat solat dan bacaan yasin serta tahlil semata-mata.

### 5. Pengurusan khutbah berkesan

Khutbah (terutama khutbah Jumaat) berperanan sebagai media dakwah mingguan yang berkesan dalam mendidik masyarakat. Justeru, khutbah

perlulah diurus dengan efektif supaya memberi kesan kepada para audien. Fenomena yang berlaku kini, sebahagian besar khutbah tidak dapat menarik minat audien dan tidak begitu berkesan. Ini mungkin kerana beberapa faktor seperti isu khutbah tidak menarik, isu basi, khutbah terlalu panjang sehingga menyebabkan audien tertidur, khutbah tidak sesuai atau tidak relevan dengan latar belakang audien, khatib tidak berwibawa dan lain-lain. Bagi mengatasi masalah ini, khutbah hendaklah peka kepada keperluan dan latarbelakang masyarakat di samping memberi peluang kepada para khatib yang berkebolehan. Khutbah akan nampak ceria dan hidup jika dibaca atau dikhutbah oleh khatib yang berkemampuan.

## 6. Memasyarakatkan masjid

Masjid sememangnya satu institusi yang dianggap sinonim dengan masyarakat Islam. Perlaksanaan aktiviti masjid dengan ini tidak wajar difokuskan semata-mata kepada aktiviti bercorak keagamaan. Pihak pengurusan masjid perlu juga memikirkan langkah-langkah mendekatkan masjid dengan masyarakat melalui pelbagai aktiviti kemasyarakatan. Namun demikian, aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan tidaklah pula terlepas daripada semangat masjid. Dengan erti kata lain, aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan hendaklah dicorak mengikut acuan masjid. Ini bermakna, aktiviti memasyarakatkan masjid hendaklah selaras dengan semangat al-Qur'an yang menekankan konsep '*al-ta<sup>c</sup>awun<sup>c</sup> ala al-birr wa al-taqwa*' (tolong menolong/kerjasama dalam perkara kebijakan dan taqwa) yang dijelaskan dalam Surah al-Ma''idah, ayat 2.

Aktiviti gotong royong, bantuan kepada fakir miskin, anak yatim, ibu tunggal melalui tabung masjid, ziarah orang sakit, meninggal, membantu membentras kemungkaran dan sebagainya adalah antara aktiviti kemasyarakatan yang boleh disertai masjid. Kini terdapat banyak masjid di negara ini yang membuka kios untuk menjual barang-barang keperluan ibadat, barang runcit, membuka gerai makan, membuka pusat dialisis dan sebagainya. Inisiatif seperti ini wajar diberi pujian kerana masjid telah menunaikan tanggungjawab sosial di samping fungsi utama sebagai institusi ibadat.

## 7. Latihan kepada Pihak Pengurusan Masjid

Satu aspek yang tidak boleh dipandang remeh ialah latihan. Sehubungan dengan ini, jawatankuasa masjid perlulah didedahkan dengan latihan-latihan dari semasa kesemasa ke arah meningkatkan profesionalisme pengurusan masjid. Unit Kariah Masjid, di bawah Jabatan Agama Negeri

contohnya boleh memainkan peranan ini dengan mendedahkan jawatankuasa masjid kepada latihan-latihan yang dianjurkan bagi meningkatkan kualiti pengurusan masjid. Latihan yang terancang dan berterusan akan memberi sumbangan penting ke arah meningkatkan daya efektif pengurusan masjid.

## 8. Pengajaran Subjek Pengurusan Masjid di sekolah dan IPT

Salah satu langkah yang dikira perlu dan penting dalam meningkatkan keberkesanannya aspek pengurusan masjid adalah dengan menawarkan kursus-kursus berkaitan pengurusan masjid di sekolah (peringkat menengah atas) dan di Institut Pengajian Tinggi (awam/swasta). Di Universiti Kebangsaan Malaysia, misalnya, pengurusan masjid telah dijadikan sebagai satu subjek di bawah Pusat Ko-Kurikulum. Pelajar boleh mengambil subjek ini (HD 1011 & 1021, Pengurusan Masjid I & II) sebagai matapelajaran pilihan tetap wajib lulus dan diberi nilai 2 unit bagi tujuan pengijazahan. Gred yang diperolehi diambilkira di dalam pengiraan PNGS dan PNGK. Pelajar wajib lulus kedua-dua tahap kursus dan unit tersebut diambilkira sebagai memenuhi keperluan kokurikulum fakulti (Panduan PraSiswazah Pusat Kokurikulum UKM Sesi Akademik 2006/07: 27).

Penawaran kursus pengurusan masjid ini akan memberikan peluang kepada para pelajar memahami konsep masjid, peranannya dan selok belok berkaitan pengurusan masjid. Kursus ini merupakan satu pendedahan yang bermakna bagi para pelajar yang akan melibatkan diri dengan institusi masjid selepas tamat pengajian mereka di universiti atau kolej.

## 9. Jaringan Masjid-Agensia Kerajaan dan Swasta

Hubungan masjid-institusi luar sama ada agensi kerajaan maupun swasta perlu diwujudkan bagi memastikan peningkatan tahap keberkesanannya pengurusan masjid. Bantuan agensi-agensi tersebut terutamanya kewangan akan membolehkan masjid dapat diurus dengan lebih efektif dengan merangka pelbagai program yang boleh menjana modal insan. Dalam hal ini, jawatan kuasa masjid perlulah bijak mengadakan jaringan/rangkaian dengan agensi luar. Misalnya dengan mewujudkan rakan masjid atau agensi berkembar masjid dan lain-lain yang difikirkan boleh memperkasakan aspek pengurusan masjid. Sehubungan dengan peranan ini juga, masjid boleh berperanan dalam memupuk perpaduan masyarakat dengan menganjurkan program-program yang boleh menghubungkannya

dengan komuniti sama ada Muslim mahupun non-Muslim. Dengan itu, mesej Islam sebagai ‘rahmatan lil alamin’ merata kepada masyarakat majmuk Malaysia.

## 10. Mobilisasi Teknologi Digital

Masjid tidak boleh terpisah dengan perkembangan teknologi maklumat semasa. Usaha memanfaatkan kemudahan teknologi semasa khususnya teknologi maklumat akan membantu mempertingkatkan keupayaan dan kecekapan urus tadbir masjid. Info berkaitan program masjid yang di‘digital’kan akan menampakkan imej masjid yang unggul dengan peranan sebagai ‘nucleus of the society’.

## Kesimpulan

Masjid sebagai sebuah institusi yang luas fungsinya berperanan sebagai wadah penting dalam pembinaan modal insan. Fungsi masjid yang luas ini tidak semestinya memerlukan bangunan yang canggih dan tersergam indah. Tidak ada maknanya sekiranya masjid sahaja yang indah dan besar, tetapi pengisiannya kosong. Fungsi dan peranan ini akan terserlah sekiranya masjid dapat diurus dengan baik khususnya melalui pelbagai program yang dirancang yang mampu memberikan impak yang besar kepada pembinaan modal insan masyarakat. Oleh kerana itu, cadangan-cadangan atau idea yang diutarakan tersebut diharap dapat memberikan sumbangan ke arah meningkatkan keberkesan pengurusan masjid.

---

Kertas ini adalah sebahagian daripada penyelidikan di bawah Skim Geran Penyelidikan Regional Cluster for Research and Publication RCRP UPSI, Model Penyediaan Maklumat Digital Qaryah (MDQ) di Institusi Masjid, 2017-0052-106-61. (Terima kasih kepada panel penyelidik lain yang terlibat, iaitu Dr. Abdul Hadi Borham, Dr. Wahyu Hidayat Abdullah, Dr. Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, En. Hafizul Fahri Hanafi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

## Rujukan

Abdul Ghafar Don & Kamaruzzaman Yusof. 1999. “Peranan Masjid dalam Menjana Kebangkitan Gerakan Siasah Islam”. Dalam Zulkiple Abd.Ghani & Ahmad Redzuwan Mohd. Yunos. *Kepimpinan Dakwah dan Politik Islam*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan, UKM.

*RAHMAH LI AL-<sup>C</sup>ALAMIN : DAKWAH DALAM MASYARAKAT MAJMUK  
DI MALAYSIA*

- Abi al-Qasim Jar Allah Mahmud Ibn Umar bin Muhammad Al-Zamakshari, al-Imam. 1995. *Al-Kasshaf*. Juz.2. Bayrut: Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah.
- Ibnu Hajar, Imam. 2003. *Bulugh al-Maram Min Adillah al-Ahkam*. El-Mansoura: Dar al-Manarah.
- Panduan PraSiswazah Pusat Kokurikulum UKM Sesi Akademik 2006-2007.
- Syaikh Abdullah bin Muhammad Basmeih. 2000. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Dar al-Fkir.
- Syaikh Ali Mohammad Mokhtar. 1997. *Peranan Masjid dalam Islam* (terj.). Kuala Lumpur: YADIM